

CABARAN DAN PELUANG BERDAKWAH MENGGUNAKAN APLIKASI TIKTOK

Fathin Amira Binti Mohd Sofian¹
Siti Hajar Wajihah Binti Rajab²
Farah Nadia Binti Khairul Anuar³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: fathinamira0101@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: hajarwajihah@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: farahnadia@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Media sosial TikTok merupakan platform baru dalam menyampaikan mesej dakwah. Pembangunan teknologi dalam komunikasi ini memudahkan penyebaran maklumat dari satu tempat ke tempat lain dengan mudah. Penyebaran maklumat seperti isu-isu agama dan pengetahuan dapat dikongsi dengan mudah kepada jutaan orang. Aplikasi TikTok juga kini menjadi viral di kalangan golongan muda. Selain itu, aplikasi ini lebih mudah diakses dan menarik disebabkan oleh sifatnya yang menggabungkan elemen audio dan visual. Oleh itu, selain hiburan, TikTok juga merupakan alternatif bagi para pendakwah untuk menyampaikan dakwah. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis keberkesanan TikTok sebagai platform penyampaian dakwah. Kedua, untuk mengkaji pertimbangan etika dan budaya berkongsi kandungan agama di platform media sosial utama. Terakhir, untuk mengeksplorasi cabaran dalam memastikan ketepatan dan keaslian dalam pengajaran agama di TikTok. Metodologi kajian untuk kajian kami adalah tinjauan literatur. Seterusnya, kami menggunakan pengumpulan data yang melibatkan analisis kandungan untuk mengumpulkan kandungan TikTok yang berkaitan dengan pengajaran agama. Analisis data juga termasuk dalam metodologi kajian kami. Pengajaran agama di TikTok menghadapi halangan seperti format video pendek dan potensi salah faham. Namun, kajian ini mencadangkan kejayaan terletak pada penyusunan mesej positif yang mematuhi standard TikTok. Menyeimbangkan kreativiti sambil mengekalkan pengajaran asas adalah penting untuk penyebaran agama di TikTok. TikTok menghadapi halangan kejenuhan kandungan dan salah tafsir, tetapi jangkauannya yang luas adalah satu laluan unik untuk hubungan spiritual. Menyeimbangkan inovasi sambil mengekalkan pengajaran adalah penting, membawa cabaran dan peluang untuk penyebaran agama di TikTok.

Kata Kunci: Dakwah Islam, Pengajaran Agama, Aplikasi, Pendakwah, Maklumat.

Pendahuluan

Manusia dianggap sebagai khalifah Allah di bumi yang diberikan tanggungjawab untuk menjaga, mengelola, dan memelihara ciptaan Allah dengan keadilan dan bijaksana. Konsep ini menekankan tanggungjawab moral manusia terhadap alam dan semestanya. Di era globalisasi, media sosial menjadi saluran komunikasi yang sangat kritis untuk digunakan sebagai alat dalam menyampaikan dakwah dan menyebarkan ajaran Islam. Terutama dengan wujudnya aplikasi yang menarik perhatian pelbagai kalangan manusia daripada orang ternama hingga rakyat biasa, remaja, pengajar, pelajar, dan golongan muda iaitu aplikasi TikTok. TikTok telah menjadi aplikasi yang paling banyak digunakan oleh masyarakat di Malaysia dalam kehidupan seharian kerana ia mempunyai banyak aspek kemudahan terutama kepada peniaga, content creator dan pendakwah muda.

Oleh itu, ramai pendakwah muda dan content creator mula terlibat di platform TikTok kerana kesan positifnya yang sangat besar kepada golongan muda dan pengguna TikTok yang lain tanpa mengambil kira faktor umur, keturunan dan agama. Di dalam komuniti TikTok, terdapat juga content creator yang berpendidikan yang menggunakan platform ini sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. TikTok tanpa disangsikan lagi telah menjadi perhatian kepada masyarakat kerana memberikan banyak faedah dan kebaikan kepada pengguna tanpa mengira pangkat, kedudukan dan status mereka. Aplikasi TikTok boleh dijadikan contoh yang mendatangkan manfaat kepada pengguna yang mempunyai matlamat dakwah yang bukan sekadar mempamerkan diri. Kajian ini akan membincangkan pelbagai manfaat yang terdapat dalam aplikasi TikTok yang akan diperincikan lagi oleh para penyelidik dalam kajian ini.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengertian dakwah menurut perspektif Islam. Seterusnya aplikasi Tiktok memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan dakwah dan akhir sekali objektif kajian ini adalah membincangkan cabaran dan peluang berdakwah menggunakan aplikasi Tiktok. Dengan kajian ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa TikTok bukan hanya medium untuk hal yang dianggap tidak bermanfaat seperti tarian gelek yang sering diunggah oleh masyarakat sekeliling. Sebaliknya, platform ini dapat dilihat dari sudut positif ia digunakan sebagai alat untuk menyampaikan dakwah dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Objektif Kajian

Setiap penyelidikan yang dijalankan perlu mempunyai objektif yang jelas. Ia penting bagi menghasilkan kajian yang terbaik dan memenuhi matlamat sebenar kajian. Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif di bawah:

- 1) Untuk menganalisis keberkesanan TikTok sebagai platform untuk dakwah agama.
- 2) Untuk menyiasat pertimbangan etika dan budaya berkaitan perkongsian kandungan keagamaan di platform media sosial utama.

- 3) Untuk meneroka cabaran-cabaran memastikan ketepatan dan keaslian dalam pengajaran keagamaan di TikTok.

Persoalan Kajian

Antara persoalan yang timbul dari pernyataan kajian tersebut adalah:

- 1) Apakah keberkesanan TikTok sebagai platform untuk menyampaikan dakwah agama?
- 2) Apakah pertimbangan etika dan budaya yang perlu dipertimbangkan dalam perkongsian kandungan keagamaan di platform media sosial utama?
- 3) Apakah cabaran utama dalam usaha memastikan ketepatan dan keaslian dalam menyampaikan pengajaran keagamaan melalui platform TikTok?

Kajian Literatur

Tinjauan literatur telah dilaksanakan bagi mengenal pasti kajian-kajian lepas berkaitan cabaran dan peluang berdakwah menggunakan aplikasi TikTok.

Strategi Untuk Menyampaikan Dakwah Yang Efektif Melalui Aplikasi Tiktok

Kajian daripada Tia Nur Amrina, Zalfa Mufidah, Zidan Khoirul Azmi dan Meity Suryandari (2023) kaedah tinjauan ialah kaedah penyelidikan di mana sumber utama data dan maklumat diperoleh daripada responden sebagai sampel penyelidikan, menggunakan soal selidik atau tinjauan sebagai kaedah pengumpulan data. Data diperoleh dengan mengedarkan soal selidik kepada pelajar yang mempunyai aplikasi TikTok. Pelajar diminta untuk sukarela mengisi soal selidik, yang telah diedarkan secara dalam talian melalui pautan *Google Form*. Keputusan menunjukkan bahawa, secara purata, responden memiliki aplikasi TikTok dan sering menggunakannya sebagai hiburan. Pembuat kandungan agama yang sering muncul di “*For You page*” TikTok responden adalah Ustad Adi Hidayat dan Ustad Hanan Attaki. Penggunaan aplikasi TikTok dianggap mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap responden, walaupun mereka hanya menontonnya apabila muncul di “*For You page*” mereka.

Menurut kajian Siti Aisyah Binti Jaafar, Noor Shahira Binti Mejah dan Nor ‘Afifah Binti Mohammad (2023), kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengetahui sejauh mana pengguna aplikasi Tiktok memahami sesuatu content keagamaan melalui 3 akaun tiktok iaitu @ustazwadiannuarofficial, @ustazahasmaharun dan @zarul.hafiz. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah melalu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian ini kita dapat mengetahui berapa ramai yang mampu memahami isi kandungan video dengan tepat. Kesimpulannya, kewujudan platform Tiktok pada hari ini memudahkan kita untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat dan menjadikannya sebagai salah satu medium pembelajaran agama dengan mengikut panduan yang betul dan sesuai. Justeru diharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat serta kandungan yang dikongsi oleh setiap pemilik akaun tiktok tersebut dapat difahami dengan baik oleh penonton.

Kajian daripada Fatin Farzana Binti Dass Meral dan Safinah Binti Ismail (2023), aplikasi TikTok adalah ruang baru bagi para da'i untuk menjelajahi bidang dakwah yang lebih kreatif. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penglibatan pelajar dalam berdakwah di aplikasi TikTok. Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk tinjauan. Metode kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan berdasarkan instrumen yang dikemukakan melalui soal selidik. Kaedah pengedaran instrumen melibatkan jumlah 45 responden di kalangan pelajar yang mengkhususkan diri di Fakulti Pengajian Tamadun Islam, KUIS. Kajian ini menunjukkan bahawa TikTok boleh digunakan untuk tujuan berdakwah seperti siaran langsung, video, dan lain-lain. Ini menemui keberkesanan dakwah dalam talian, terutamanya melalui aplikasi TikTok, terhadap akhlak pelajar, dan perlu ditekankan oleh setiap pelajar. Penyelidik berharap bahawa penyelidik-penyelidik masa depan dapat mengkaji keberkesanan dakwah di aplikasi YouTube terhadap keluarga untuk mencapai objektif yang lebih besar dan hasil kajian yang lebih luas.

Menurut dapatan kajian daripada Ahmad Miqdad Mohd Marzuki, Muhammad Faiz Azri Ibrahim, Muhammad Najib Abdul Razak dan Muhamad Alif Haziq Roslan (2022), objektif kajian ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan potongan video ceramah di media sosial. Selain itu, kajian ini juga ingin mengkaji sejauh mana kemampuan atau keberkesanan potongan video ceramah di media sosial sebagai medium dalam menyampaikan ilmu kepada orang ramai terutamanya pada era revolusi industri 4.0. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pemerhatian dan analisis terhadap kelebihan dan kekurangan potongan video ceramah di media sosial. Hasil kajian mendapati bahawa potongan video ceramah yang disebar di media sosial lebih cenderung memberi manfaat yang baik dalam kalangan masyarakat. Potongan video ceramah yang berdurasi pendek juga menarik minat terutama golongan muda dalam mendalami ilmu agama.

Kajian daripada Yulia Nafa Fitri Randani, Safrinal, Jalimah Zulfah Latuconsina dan Muhammad Roy Purwanto (2021), disebalik aplikasi ini, yang sering kali dianggap kurang bermanfaat dan dengan konten yang dianggap berlebihan, para da'i muda (pendakwah Islam) yang mulai menggunakan TikTok sebagai platform untuk dakwah agama memberikan angin segar dalam meningkatkan persepsi tersebut. Namun, banyak milenial yang belum menyadari strategi untuk memaksimumkan TikTok sebagai aplikasi untuk menyebarkan ajaran agama dan pendapat pendidikan. Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kreativiti da'i muda milenial (pendakwah Islam) dalam mencipta kandungan dan berinteraksi dengan pengguna dengan mudah dengan meneliti jurnal yang relevan dan melakukan wawancara dengan pakar. Kajian ini dilakukan dengan pendekatan deskriptif kualitatif.

Impak Dakwah Dalam Aplikasi Tiktok

Menurut kajian Nurul Jannah Binti Abdul Manan, Nurul Iffah Binti Muhamad Lutfi dan Nurul Izzah Binti Sa'hari Anuar (2023), kajian membincangkan potensi penggunaan teknologi TikTok terutamanya untuk aktiviti dakwah dan cabaran yang mungkin timbul dalam penggunaannya. Perbincangan adalah berdasarkan senario semasa dalam konteks landskap media berkaitan penggunaan media untuk aktiviti dakwah dikalangan anak muda khususnya. Aktiviti dakwah semasa mestilah mengambil kira penggunaan media yang dimiliki dan digunakan oleh khalayak untuk memastikan kesampaian dan penerimaan mesej dakwah. Dalam masa yang

sama, membantu perkembangan ajaran islam yang betul. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan. Hasil kajian ini mendapati peranan TikTok mampu mempengaruhi persepsi atau pemahaman pengguna terhadap pengajian Islam. Kesimpulannya, kewujudan platform Tiktok mampu dijadikan medium rujukan dakwah yang bermanfaat untuk masyarakat khususnya golongan muda.

Kajian daripada Akmal Hadi, Muhammad Aqil Fikri dan Muhammad Alif Aidil (2023), gabungan diantara elemen dakwah dan teknologi dapat menghasilkan satu fenomena yang mana mampu untuk memberi impak yang besar terhadap pembangunan jiwa ummah. Namun begitu, penggunaan platform media sosial ini seharusnya digunakan sebaik mungkin bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku seperti penyebaran hadith palsu atau maklumat yang tidak tepat sebagaimana yang berlaku dihari ini. Kajian ini bermatlamat mengkaji kepentingan penggunaan sosial media dalam menyebarkan dakwah berlandaskan quran dan sunnah. Antara sebab tajuk ini dipilih adalah untuk memastikan supaya para pendakwah berdakwah mengikuti sebagaimana ajaran Rasul SAW terhadap umatnya. Kajian ini menggunakan metodologi campuran antara kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan boring soal selidik melalui google form, rujukan daripada jurnal-jurnal dan juga melayari internet. Oleh itu, kajian ini akan melihat isu ini berdasarkan sumber yang sahih iaitu Al-quran dan As-sunnah. Pada masa yang sama juga ayat-ayat alquran serta hadis-hadis ini akan dapat membantu para pendakwah untuk menganalisis dan membuat strategi pendekatan yang terbaik untuk mengharungi cabaran dakwah yang semakin hebat pada masa kini.

Dapatan kajian daripada Monica Amelia Putri (2023), kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan bagaimana persepsi mahasiswa Komunikasi dan Penyiaran Islam terhadap dakwah melalui aplikasi Tiktok. Hasil dari penelitian ini menunjukkan bahwa mahasiswa Komunikasi dan Penyiaran Islam menghasilkan persepsi positif yang dimana mereka setuju bahwa aplikasi Tiktok dapat digunakan sebagai media dakwah karena aplikasi Tiktok mudah digunakan dan penyebarannya luas.

Kajian daripada Nur Fatin Farhanah Mat Saad, Nur Syamimi Afifi Arifin dan Nurul Nadhirah Abd Karim (2022), kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui impak dakwah dalam aplikasi Tiktok kepada masyarakat. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif di mana dapatan kajian diperolehi daripada hasil soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada rakan, keluarga dan masyarakat. Secara tuntasnya, hukum penggunaan sebarang teknologi adalah bergantung kepada tatacara penggunaannya.

Kajian daripada Tika Mutia, M. Imam Taufiqurrahman dan Tito Handoko (2022), Objektif kajian ini adalah kandungan berbentuk video dengan tema Ruqyah Syari'ah di akaun Tiktok @eriabdulrohim. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada semua video dakwah Ustadz Eri Abdulrohim di Tiktok sejak tahun 2021, terdapat 3 video yang mempunyai jumlah penonton tinggi dan telah menjadi viral kerana menumpukan kepada tema Ruqyah Syar'iyah. Kandungan yang paling popular di kalangan netizen termasuk ayat-ayat Quran untuk penyembuhan dari sihir. Selain itu, kandungan dakwah Ustadz Eri di Tiktok memberikan sumbangan baru kerana disajikan secara ringkas, mengikut fenomena semasa, dan selaras dengan syariah Islam.

Bagaimana Dakwah Boleh Diaplikasikan Dengan Budaya Tiktok

Menurut kajian Atik Maelani (2023), kajian itu bertujuan untuk mengetahui isi konten dakwah dalam Tiktok @risyad_bay yang dibuat oleh Risyad Ubaidillah. Hasil kajian mendapati bahawa konten dakwah yang di sosial media Risyad Ubaidillah terdapat pesan yang terkandung dalam dakwahnya mencakupi tiga kategori iaitu Akidah, Akhlak dan pesan Syariah dalam dakwahnya. Isi dakwah yang paling berkesan adalah berkaitan akhlak.

Menurut kajian Nurul Mawaddah Binti Kamil dan Siti Munirah Binti Mohd Agos (2023), kajian ini akan menggunakan kaedah yang berteraskan kualitatif, iaitu dengan menganalisa serta membincangkan bagaimana ICT boleh menjadi medium yang besar dalam memperkembangkan dakwah di era siber ini. Dapatan seterusnya ingin mengemukakan keberkesanan medium ICT dalam usaha penyebaran dakwah di kalangan masyarakat dan cabaran dalam berdakwah. Pendekatan ini juga dilihat sebagai salah satu wadah penting untuk menghubungkan komunikasi antara pendakwah dengan mad'unya tanpa ada sempadan. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa penyebaran dakwah melalui media ICT dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat khususnya golongan muda serta dapat melonjakkan lagi semangat mereka untuk menuntut ilmu agama dengan lebih mendalam. Di samping itu, pendakwah dapat mengetahui cabaran dalam menyampaikan mesej dakwah di era digitalisasi ini.

Menurut kajian, Ayu Febriana (2021), kajian itu bertujuan untuk menganalisis potensi media sosial TikTok sebagai medium baru dalam menyampaikan mesej dakwah, dan kemudian menganalisis kelemahan dan kekuatannya. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah deskriptif kualitatif dengan sumber data dalam bentuk dokumen, posting video dari akaun media sosial dengan kaedah analisis yang berkaitan dengan teori berkaitan dengan media dakwah, mesej dakwah, dan juga media baru. Hasil kajian menunjukkan bahawa TikTok dapat dioptimumkan untuk tujuan menyampaikan mesej dakwah seperti yang dicontohkan oleh Ustaz Syam di akaun @syam_elmarusy menggunakan kelebihan TikTok, iaitu penampilan visual yang menarik. Dengan tampilan ini, Ustaz Syam menyampaikan mesej dakwah yang masih berdasarkan al-Quran dan Hadis dengan kandungan dakwah yang merangkumi pengajaran Islam, berkaitan dengan aqidah, syariah, dan akhlak/muamalah dengan tujuan menjadikannya mudah diterima oleh generasi pengguna TikTok sebagai rakan dakwah.

Menurut dapatan kajian daripada Rismaka Palupi, Umi Istiqomah, Fella Vidia Fravisdha, Nur Lail Septiana dan Ailyn Maharung Sarapil (2021), kajian ini dilakukan untuk mengetahui aktiviti pengguna media sosial. Saat ini, media sosial memiliki pengaruh signifikan pada tingkat kehidupan masyarakat mulai dari anak-anak hingga orang dewasa, yang tak terlepas dari keberadaan media sosial, termasuk penggunaan aplikasi TikTok. Para peneliti melakukan wawancara dan dokumentasi untuk menghasilkan data objektif dengan menggunakan pendekatan etnografi virtual. Metode ini menjadi rujukan untuk menganalisis respons netizen (TikTokers) terkait konten dakwah Islam melalui platform TikTok yang merupakan bentuk aktivitas cyber. Data yang terkumpul dianalisis secara kualitatif. Dari hasil membaca komentar pada postingan TikTokers mengenai konten seorang pendakwah muda

Islam, Husain Basyaiban, peneliti menemukan bahwa media sosial TikTok menjadi platform yang dijanjikan dalam penyebaran Islam di era globalisasi ini, seperti yang terbukti dari respons terhadap postingan dakwah yang mendapatkan reaksi positif lebih banyak daripada reaksi negatif.

Cara Menghindari Penyebaran Maklumat Palsu Atau Salah Tafsir Ajaran Agama

Menurut kajian Muhammad Faiz Aizat Bin Anuar dan Muhammad Naufal bin Abdul Samat (2023), tujuan kajian ini, untuk mengkaji bagaimana cara penyebaran fitnah dalam media social tiktok tersebar dengan begitu pantas sehinggakan menjadi trending dan dipercayai oleh sesetengah masyarakat. Seterusnya dalam metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dimana kajian ini dilakukan oleh mahasiswa USIM. Dapatan kajian yang dapati, terdapat banyak kesalahfahaman terhadap penyebaran ilmu dan dakwah di media social yang di muat naik oleh masyarakat yang ingin menjatuhkan ulama dan ustaz. Akhir sekali, kita sebagai pengguna media social tiktok perlulah waspada dan tidak mudah percaya akan sesuatu video yang meragukan dan pengguna media social tiktok perlu menyemak di sumber-sumber lain untuk mendapat kepastian mengenai isu dan video yang disebarikan itu supaya tidak pengaruh akan fitnah video tersebut.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan. Secara umumnya, metodologi yang digunakan iaitu kaedah kualitatif. Oleh yang demikian kajian ini menggunakan satu kaedah penyelidikan iaitu secara kualitatif melalui kaedah pemerhatian dan kajian lepas bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Hasil daripada kajian lepas telah dipilih oleh pengkaji untuk mendapat dan mengumpul maklumat yang tepat dan betul berdasarkan objektif kajian.

Perbincangan Kajian

Pengertian Dakwah

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.

Pengertian dakwah dari sudut bahasa ialah berasal daripada perkataan Arab dan ia adalah bentuk dari isim masdar yang berasal dari kata kerja iaitu da'a (دعا), yad'u (يدعو), da'watan (دعوة) yang membawa maksud menyeru, mengajak, memanggil, menjemput, menjamu dan memandu.

Manakala dari sudut istilah pula dakwah bermaksud mendorong manusia agar berbuat kebajikan dan petunjuk dengan menyuruh mereka melakukan perbuatan yang benar (ma'ruf) dan menegah mereka daripada melakukan perbuatan keji dan salah (mungkar), agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dalam erti kata lain, dakwah adalah mengajak

umat manusia melakukan dan mengikuti ajaran serta petunjuk Allah dan Rasul dengan hikmah dan bijaksana.

Dalam Islam, dakwah dianggap sebagai tanggung jawab umat Muslim untuk menyampaikan ajaran Allah kepada sesama manusia. Namun, pendekatan dalam melakukan dakwah dapat bervariasi sesuai dengan situasi dan kondisi masyarakat di mana dakwah tersebut dilakukan.

Analisis Keberkesanan Penyampaian Dakwah Melalui Aplikasi TikTok

Media sosial merupakan platform digital yang membolehkan pengguna berkomunikasi secara atas talian yang menghubungkan para pengguna daripada serata dunia dan berkebolehan mewujudkan interaksi antara pengguna tanpa dibatasi ruang dan waktu. Antara aplikasi yang menjadi perhatian pengguna pada masa kini adalah aplikasi TikTok. Aplikasi TikTok adalah platform media sosial yang memungkinkan pengguna untuk membuat, mengedit, dan membagikan video pendek. Aplikasi TikTok memiliki sejumlah manfaat, terutama untuk pengguna yang aktif secara kreatif di platform ini. Berhubung kait dengan pengaruh TikTok, aplikasi ini memungkinkan pesan dakwah untuk mencapai audiens yang sangat luas dan beragam di seluruh dunia tanpa batasan geografis. Fenomena dakwah melalui media sosial semakin popular. Ia mempunyai kesan yang besar dalam menyebarkan ajaran agama, mendidik orang ramai, dan memotivasikan mereka. TikTok mempunyai beberapa ciri yang membezakannya daripada platform media sosial lain. Berikut adalah beberapa ciri utama yang dimiliki oleh TikTok:

Video Pendek

Format utama di TikTok adalah video pendek, biasanya berdurasi antara 15 hingga 60 saat. Hal ini membolehkan pengguna untuk membuat rakaman ataupun konten dalam masa yang singkat dan mudah difahami oleh pengguna. Aplikasi ini dapat memudahkan penyampaian dakwah Islam dan memperluas jangkauan pesan keagamaan.

Jangkauan Global

TikTok membolehkan dakwah Islam mencapai para penonton yang berbagai jenis peringkat umur dan penonton berlainan agama dari seluruh dunia kerana jangkauan globalnya. Pesan dan nilai-nilai Islam boleh dipercepatkan melalui teknologi moden dan media sosial. Ramai pengguna media sosial boleh mengakses bahan keagamaan melalui platform media sosial.

Kreativiti dan Inovasi

Pengguna TikTok mempunyai pelbagai cara yang unik dan kreatif untuk menunjukkan bakat dan cara penyampaian dakwah mereka. Kemahiran untuk menghasilkan video pendek adalah salah satu aspek yang paling mencolok dalam kreativiti. Pengguna boleh memberikan sentuhan unik kepada konten mereka dengan menggunakan musik, filter, dan efek visual. Kreativiti juga dapat terlahir dalam cara pengguna memotret dan mengedit video mereka, menciptakan sudut pandang yang menarik, atau menggunakan efek visual untuk memberikan dampak yang lebih menarik. TikTok bukan sahaja tempat untuk membuat konten, tetapi juga tempat untuk

berinteraksi dengan orang lain. Kreativiti boleh meningkatkan pengalaman pengguna di platform ini dengan meninggalkan komen inovatif, bekerjasama dengan pengguna lain dan mengambil bahagian dalam trend terkini.

Trending Hashtags

Menggunakan hashtag yang trending adalah kaedah yang berkesan untuk menyebarkan dakwah di TikTok. Pendakwaan boleh mencapai penonton yang lebih ramai dengan mengikuti trend yang sedang popular. Pertama, kenal pasti tema dakwah yang ingin anda sampaikan. Selepas itu, ikuti arahan berikut untuk menggunakan hashtag yang sedang trending dalam konten dakwah di TikTok. Kenal pasti topik atau isu yang sedang hangat di kalangan penggemar TikTok. Pengguna boleh mencari trend yang sedang berlaku dengan melihat daftar hashtag trending dan bagian Explore Page. Setelah mengetahui trend yang berkaitan dengan pesan dakwah yang hendak disampaikan, pastikan hashtag dimasukkan ke dalam penerangan atau teks video yang dibuat. Misalnya, penonton boleh menggunakan hashtag yang berkaitan dengan ceramah atau keagamaan. Contohnya #islamiccontent, #islamicpost, #dakwah, #hijrah dan sebagainya.

Kolaborasi bersama “Content Creator” Dakwah

TikTok adalah salah satu aplikasi yang berkesan untuk meningkatkan jangkauan dan pengaruh dakwah adalah dengan bekerjasama dengan para “Content Creator” dakwah di TikTok. Pendakwah atau pengguna boleh bekerjasama dengan pembuat konten lain untuk mewujudkan sinergi yang kuat, menggabungkan keunikan masing-masing, dan menyampaikan pesan keagamaan dengan cara yang lebih kreatif dan berkesan.

Dasawarsa ini, memang tidak dinafikan bahawa aplikasi TikTok memiliki potensi besar dalam menyampaikan dakwah. Kontradiksinya, penting untuk diingat bahawa penghasilan konten di TikTok memerlukan kesesuaian dengan nilai-nilai etika dan norma keagamaan. Para pendakwah atau pengguna yang lain harus memastikan penyampaian konten sesuai dengan ajaran agama dan tidak bercanggah dengan agama Islam.

Cabaran dan Peluang

Terdapat pelbagai cabaran dalam menyampaikan dakwah melalui aplikasi TikTok terutamanya di kalangan golongan muda seperti pelajar. Oleh itu, semua pihak dalam masyarakat perlu memainkan peranan penting untuk memastikan kesinambungan penyampaian dakwah Islam melalui platform ini. Salah satu cabaran utama adalah keperluan bagi masyarakat untuk menggunakan sumber rujukan yang sahih, kerana kebolehpercayaan berita sering dipengaruhi oleh sumbernya. Pengguna berita yang bijak juga perlu memberikan perhatian kepada asal-usul berita yang mereka terima. Jika maklumat yang diperoleh dapat disahkan, maklumat yang bermanfaat akan datang dari sumber yang boleh dipercayai. Sebaliknya, berita yang tidak tepat, tidak benar dan memfitnah biasanya berasal dari sumber yang tidak dapat dipercayai. Adlan (2018) menekankan bahawa perlunya menyiasat setiap langkah proses pengedaran berita

sehingga ke sumber asal. Dalam konteks ini, berita yang tidak dapat disahkan perlu diabaikan, dibuang, dan dipadamkan kerana sesiapa pun boleh menulis atau menipu walaupun maklumat tersebut sebenarnya tidak benar.

Sebagai cabaran berikutnya dalam menangani penyalahgunaan dan penyebaran fitnah di platform TikTok, terdapat berbagai jenis media pengedaran yang kini terdapat termasuk audio, video dan gambar. Media ini pada masa ini banyak digunakan dalam masyarakat kumpulan untuk menerima dan menghantar maklumat. Orang ramai kini boleh mengakses media ini dengan lebih mudah terutamanya golongan muda. Media popular lain selain yang disebut mempunyai peranan yang lebih kecil dalam masyarakat. Pendakwah seharusnya mengubah kaedah penyampaian mereka daripada hanya bergantung pada satu fokus sahaja. Menurut Badie (1985), mengarang, bercakap, menghantar surat, menulis berita dan jenis pengedaran lain yang disasarkan untuk mencapai semua peringkat masyarakat adalah antara kaedah penyampaian.

Seterusnya, terdapat peluang untuk berdakwah melalui aplikasi TikTok. Hal ini, disebabkan oleh fakta bahawa TikTok merupakan platform dakwah masa kini yang membolehkan perkongsian video secara langsung. Perkongsian video secara langsung di sini merujuk kepada ceramah atau majlis ilmu yang dikongsi secara langsung dari tempat majlis tersebut. Keadaan ini menjadi relevan kerana tidak semua orang dapat bergerak bebas dalam rutin harian mereka dan ada yang berada jauh untuk menghadiri majlis ilmu. Oleh itu, perkongsian majlis ilmu secara langsung ini dapat memudahkan urusan semua tanpa sebarang kekangan. Tambahan pula, TikTok memiliki kelebihan sebagai medium dakwah melalui perkongsian video pendek serta TikTok membenarkan durasi video mulai dari 15 saat sehingga 10 minit. Konsep video pendek ini sangat diterima oleh pengguna TikTok terutamanya kerana banyak orang tidak memiliki waktu yang mencukupi untuk mendengar isu-isu penting dalam majlis ilmu yang berjam-jam. Oleh itu, video pendek inilah yang menjadi ringkasan dalam sesuatu topik. Satu video yang dapat menjelaskan 1 topik misalnya rukun Iman, rukun Islam, rukun Solat dan sebagainya. Pendekatan sebegini lebih mudah untuk diterima dan konsep dakwah dapat disampaikan dengan lebih baik.

Kesimpulan

Intihannya, kajian ini menjelaskan bahawa berdakwah melalui aplikasi TikTok membawa sejumlah cabaran dan peluang yang perlu dititikberatkan. Cabaran melibatkan penyesuaian pesan dakwah dengan konteks budaya dan etika platform, ruang terhad untuk penyampaian pesan yang mendalam, serta risiko menerima respons negatif. Penggunaan aplikasi tiktok amat perlu kerana aplikasi ini dapat memfokuskan lebih ramai komunitas bagi menyeru kepada dakwah. Dakwah melalui aplikasi tiktok akan mampu untuk menandingi media yang lain seperti televisyen, radio dan sebagainya dalam menyebarkan kegiatan dakwah. Ini akan menyebabkan suatu perkara atau ilmu tersebut mudah tersebar malah dengan menyebarkan ilmu dengan pantas. Ianya tidak menelan perbelanjaan yang besar malah peluang yang signifikan melalui jangkauan luas arena ini, memungkinkan dakwah mencapai pelbagai lapisan masyarakat, terutama generasi muda. Kreativiti dan inovasi dalam penyampaian pesan, kemampuan untuk menyelaraskan konten dengan audiens sasaran, serta potensi untuk memanfaatkan daya tarik TikTok sebagai alat dakwah yang dinamis adalah aspek-aspek positif

yang dapat diperhatikan. Oleh itu, kesedaran terhadap dinamika platform ini dan strategi yang bijak dalam menyampaikan pesan adalah kunci untuk memaksimumkan manfaat berdakwah melalui TikTok.

Rujukan

- Amrina, T. N., Mufidah, Z., Azmi, Z. K., & Suryandari, M. (2023). Respon Mahasiswa Iai Al-Aziz Dalam Menanggapi Konten Dakwah Islam di Media Sosial Tiktok. *ALADALAH: Jurnal Politik, Sosial, Hukum dan Humaniora*, 1(1), 87-112.
- Anuar, M. F. A. B., Samat, M. N. B. A., & bin Syed Hassan, S. N. (2023). Menyebarkan Fitnah dalam Dakwah Terhadap Ulama/Ustaz di Media Sosial Tiktok.
- Atik, M. (2023). Konten Dakwah Di Sosial Media Tiktok@ Risyad_Bay (Periode Januari-Maret 2023) (Doctoral dissertation, UIN Prof. KH Saifuddin Zuhri).
- Febriana, A. (2021). Pemanfaatan Tik-Tok Sebagai Media Dakwah:(Studi Kasus Ustad Syam, di akaun@ syam_elmarusy). *KOMUNIDA: Media Komunikasi dan Dakwah*, 11(02), 180-194.
- Hassan, M. D. S. N. S., dan Sunnah, F. P. Q., Maruzuki, A. M. M., Ibrahim, M. F. A., Razak, M. N. A., & Roslan, M. A. H. Video Suntingan Ceramah Di Media Sosial: Isu Dan Cabaran.
- Jaafar, S. A. B., Mejah, N. S. B., Mohammad, N. A. B., & Hassan, S. N. B. S. (2023). Penggunaan Aplikasi Tiktok dalam Menyampaikan Kandungan Keagamaan: Kajian terhadap 3 Akaun Tiktok.
- Kamil, N. M. B., dan Sunnah, F. P. Q., Agos, S. M. B. M., & Hassan, M. D. S. N. S. ICT Sebagai Medium Perkembangan Dakwah Di Era Digitalisasi: Satu Kajian Dari Perspektif Pengajian Islam.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat
- Manan, N. J. B. A., Lutfi, N. I. B. M., Anuar, N. I. B. S. H., & Hassan, S. N. B. S. (2023). Kepentingan dan Peranan Aplikasi Tiktok dalam Menyebarkan Dakwah dikalangan Remaja.
- MERAL, F. F. B. D., & ISMAIL, S. B. Keberkesanan Aktiviti Dakwah Dalam Aplikasi Tiktok Terhadap Akhlak Mahasiswa The Effectiveness of Dakwah Activities In The Tiktok Application on The Morals Of Students.
- MONICA, A. P. (2023). Persepsi Mahasiswa Komunikasi Dan Penyiaran Islam Terhadap Dakwah Melalui Aplikasi Tiktok Di UIN Raden Intan Lampung (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).

- Muhammad Faiz Aizat Bin Anuar, Muhammad Naufal Bin Abdul Samat, Prof. Madya Dr. Syed Najihuddin bin Syed Hassan (2023), Menyebarkan Fitnah Dalam Dakwah Terhadap Ulama/ Ustaz Di Media Sosial Tiktok, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Mutia, T., Taufiqurrahman, M. I., & Handoko, T. (2022). Dakwah Melalui Media Sosial (Studi Netnografi Konten Ruqyah Syar'iyah pada Akun Tiktok Ustadz@ eriabdulrohim). *Idarotuna*, 4(1), 1-12.
- Palupi, R., Istiqomah, U., Fravisdha, F. V., Septiana, N. L., & Sarapil, A. M. (2021). Analisis Penggunaan Aplikasi Tiktok Sebagai Media Dakwah Di Era Modern. *Academica: Journal of Multidisciplinary Studies*, 5(1), 89-104.
- Randani, Y. N. F., Safrinal, S., Latuconsina, J. Z., & Purwanto, M. R. (2021). Strategi Pemanfaatan Aplikasi Tik Tok Sebagai Media Dakwah Untuk Kaum Milenial. *At-Thullab Jurnal Mahasiswa Studi Islam*, 3(1), 570-584.
- Saad, N. F. F. M. Keberkesanan Aplikasi Tiktok Dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran Dan Sunnah Dalam Kalangan Masyarakat.
- Sunnah, F. P. Q. D., bin Muhammad Arshad, M. A. F., bin Azman, M. A. A., & Syed, M. D. S. N. B. Keberkesanan Penggunaan Media Sosial Dalam Menyampaikan Dakwah Berlandaskan Alquran & Sunnah.
- Tuan Nur Auni Qasrina Binti Tuan Mohd Mawardi, Nur Hidayatul Adawiyah Binti Zulkifle, Rai Izni Fatin Binti Zahran, Prof. Madya Dr. Syed Najihuddin Bin Syed Hassan (2023, June), Tiktok Sebagai Platform Dakwah: Implikasi Kepada Remaja, *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) – Dalam Talian*